

Isnin, Jan 15 2018

Chee Leong bertanding semula di Kampar

utusan (5/1)

KAMPAR 14 Jan. - MCA hari ini mengumumkan Naib Presidennya, Datuk Lee Chee Leong sebagai calon yang dicadang untuk kembali bertanding bagi kerusi Parlimen Kampar pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Turut diumumkan ialah Timbalan Ketua Bahagian Kampar, Chang Gwo Chyang dan Setiausaha Bahagiannya, Daniel Wa Wai How untuk masing-masing merebut kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Malim Nawar dan Keranji.

Presiden MCA, Datuk Seri Liow



Tiong Lai
berkata,
nama-nama
tersebut



LEE CHEE LEONG

adalah yang
dicadangkan oleh parti,
namun ketetapan akhir
ditentukan oleh Perdana
Menteri, Datuk Seri Najib Tun
Razak.

“Saya sudah mengarahkan
mereka untuk bekerja
keras bagi memastikan kita
mendapat sokongan yang
baik, malahan peluang untuk
kita merampas kembali
ketiga-tiga kerusi ini (dari
DAP) amat cerah.

“Hari ini saya melakukan
lawatan kerja di sekitar
Parlimen Kampar termasuk
di Tanjung Tualang dan
Mambang Di Awan.
Sambutan diberikan begitu
menggalakkan. Pengundi Cina
sekarang lebih yakin dengan
kepemimpinan MCA dan
Perdana Menteri,” katanya.

Beliau berkata demikian
kepada pemberita selepas
mengadakan pertemuan
dengan lebih 90 pertubuhan
dalam siri lawatan kerja di
Parlimen Kampar di sini
yang turut dihadiri oleh
Pengerusi MCA Perak, Datuk
Dr. Mah Hang Soon.

